

03/08/2003

Memahami kepemimpinan Singapura hari ini

Johan Jaaffar

SAYA mempunyai kenalan - seorang diplomat - dari Singapura. Beliau mendapat pendidikan awal di Singapura, kemudian dihantar untuk membuat ijazah lanjutan di salah sebuah universiti terbaik di United Kingdom (UK). Beliau bijak, articulate, bergaya, berfikiran luas, banyak bergaul dan petah bercakap serta boleh menulis dengan baik. Saya percaya beliau mempunyai harapan untuk menduduki hirarki lebih tinggi dalam perkhidmatan luar Singapura.

Tetapi sesuatu membezakan beliau dengan rakan diplomat yang lain. Beliau mendapat latihan ketenteraan. Beliau berjawatan tinggi dalam pasukan Tentera Republik Singapura. Mahu tidak mahu latar belakang dan disiplin ketenteraan itu mempengaruhi beliau. Beliau bukan saja menjalani latihan ketenteraan biasa tetapi menjawat kedudukan penting malah sensitif. Saya percaya beliau erdedah pada perisikan dan perancangan strategik.

Inilah "wajah" tipikal diplomat, ahli politik, pimpinan korporat, pegawai kerajaan dan pentadbir Singapura hari ini.

Hakikat ini kadang-kala diambil mudah oleh banyak orang di luar Singapura, termasuk kita sendiri. Kita tidak berdepan dengan sekadar pegawai kerajaan atau pemimpin syarikat, kalangan intelektual dan pemikir saja. Kita harus melihat minda ketenteraan yang mencorakkan personaliti atau karakter mereka.

Kita semua tahu bahawa rakyat Singapura yang sihat tubuh badan harus menjalani perkhidmatan ketenteraan wajib. Kita juga tahu Singapura sebagai negara kecil memerlukan setiap rakyatnya untuk mempertahankan kedaulatan republik itu. Kita juga tahu doktrin pertahanan Singapura yang meletakkan ancaman dari luar sebagai real dan tidak boleh diambil mudah.

Singapura negara kecil di tengah lautan orang Melayu dan Islam di rantau ini. Mungkin tidak menghairankan Singapura menganggap dirinya tidak ubah Israel di tengah lautan dunia Arab. Sikap ini mencorakkan dasar pertahanannya.

Singapura juga menganggap penting memiliki peralatan tercanggih, state-of-the-art dan memanfaatkan teknologi terbaru bagi memodenkan tenteranya. Singapura juga percaya bahawa masa depan peperangan ditentukan oleh kecanggihan perisikan, precision targeting dan kemampuan teknologi komputer. Pendeknya tidak menghairankan kalau Singapura menganggap bahawa perang masa depan berteraskan teknologi digital.

Jangan ambil mudah pandangan seperti ini. Kita sudah melihat bagaimana Doktrin Rumsfeld (Donald Rumsfeld ialah Setiausaha Pertahanan Amerika Syarikat) menundukkan Iraq dalam masa tiga minggu. Kita sudah melihat bagaimana teknologi mulai menggantikan kekuatan tentera konvensional di Afghanistan dan Iraq. Kita juga harus sedar bahawa teknologi akan menulis semula hukum hakam peperangan masa depan.

Temannya itu sebenarnya mewakili satu generasi baru pimpinan Singapura hari ini. Banyak daripada kita hari ini tidak memahami perubahan ini. Malah enggan menerima hakikat perubahan itu.

Maka itu mereka tentulah mempunyai pertimbangan, kewaspadaan dan kefahaman yang berbeza daripada kita semua. Mereka melihat semua perkara daripada perspektif strategik, potensi bahaya, ancaman dan pendekatan maneuver. Mereka punya pendekatan tersendiri 'membaca' keadaan dan membuat laporan menggunakan kaedah dan analisis ancaman dan kemungkinan.

Banyak daripada kita mengambil mudah semua ini. Kita hanya melihat Singapura dalam kerangka yang sama dengan jiran yang lain. Mungkin

sebahagian daripada masalah kita dengan Singapura ialah kegagalan kita memahami dan membuat penyesuaian untuk berhubungan dengan minda kepimpinan baru ini. Dan kegagalan mereka pula untuk melihat kita bukan bermentaliti seperti mereka.

Ada yang mengatakan kita dan mereka masih membawa bagej pemisahan tahun 1965. Tetapi bagi banyak daripada pemimpin kita dan mereka, pemisahan itu tidak lebih daripada sejarah. Sebahagian besar pemimpin kita dan pemimpin Singapura hari ini terlalu muda untuk mengetahui apa yang berlaku waktu itu. Mungkin bagi Singapura, bagej ini lebih ketara. Bekas Perdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yew masih lagi boleh memainkan peranan menentukan dasar negaranya dengan Malaysia. Beliau masih Menteri Kanan republik itu.

Lee Kuan Yew tentulah mempunyai pandangannya sendiri mengenai rakyat negara ini, orang Melayu dan kepimpinannya. Kadang-kala beliau membuat kenyataan yang tidak menyenangkan. Beliau juga menyakitkan hati jiran yang lain dari semasa ke semasa. Bacalah kedua-dua buah memoirnya, *The Singapore Story* dan *From Third World To First* untuk memahami sikap beliau yang sebenar.

Perdana Menteri kita, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ialah satu-satunya Perdana Menteri negara ini yang pernah terdidik di Singapura. Kita juga harus ingat bahawa minat Dr Mahathir terhadap Singapura tidak sekadar sebagai Perdana Menteri. Beliau lebih faham minda manusia yang mencorakkan Singapura. Kita juga harus ingat bahawa Dr Mahathir memperuntukkan satu bab khusus mengenai Singapura dalam buku pentingnya *The Malay Dilemma*. Mengenai hubungan dua negara itu, dalam buku itu beliau pernah menulis (dengan izin saya petik dalam bahasa Inggeris): "But it is quite clear what happens between Malaysia and Singapore depends very much on what Singapore chooses to do." Alangkah benarnya telahan yang dibuat pada tahun 1970 itu!

Ada pandangan yang mengatakan bahawa personaliti Dr Mahathir dan Menteri Kanan Singapura menyebabkan banyak masalah tidak selesai di antara dua negara ini. Bagi saya, ini satu generalisasi yang tidak tepat. Malah secara jujur mereka amat terbuka, sedia berdialog dan mahu membuat keputusan. Pelaksanaan atau follow through satu hal yang lain. Tentulah ada masalah dan kompleksiti yang lain.

Isu air yang banyak diperkatakan ini hanyalah salah satu isu yang sebenarnya menjadi duri dalam daging hubungan kita dengan Singapura. Banyak orang hairan kenapa isu itu harus melimpah keluar hingga perlu diberi penjelasan melalui iklan dan buku penerangan?

Banyak lagi isu yang sebenarnya menjadi masalah kedua-dua negara - yang terbesar ialah Pulau Batu Putih dan POA yang ditandatangani pada tahun 1990. Sekali lagi, soal-soal ini boleh diselesaikan sebagai jiran - sayangnya hal itu tidak berlaku.

Banyak orang di Singapura, pemimpinnya tidak terkecuali, yang percaya bahawa Malaysia harus memainkan peranan second fiddle dulu, kini dan selamanya. Malaysia ialah negara membangun yang sampai bila pun tidak akan mencecah status Dunia Pertama seperti mereka. Prasarana di negara ini tidak mungkin menandingi mereka. Malaysia tidak agresif memanfaatkan teknologi. Malaysia akan terus bergantung pada Singapura untuk mengeksport barangannya. Malaysia tidak akan dapat menandingi Singapura sebagai pusat urus niaga dan kewangan rantau ini.

Malaysia hari ini ternyata memberikan saingan kepada Singapura. Koridor Raya Multimedia (MSC) bukan utopia yang terbina di dalam ladang kelapa sawit. Malaysia sebenarnya menuju ke arah aplikasi sebenar ICT - dari e dagang, sekolah bestari hingga e-kerajaan. Malaysia membina pelabuhan yang mulai menjadi saingan pada Singapura. Kejayaan Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) adalah tamparan pada Singapura. Sekiranya ura-ura menjadikan Senai sebagai teras (hub) pengangkutan udara dan dengan terbinanya laluan

kereta api baru menghubungkan PTP dan Senai ke seluruh Semenanjung, Malaysia tidak perlukan prasarana di Singapura.

Malaysia berhak membangunkan dirinya dan membina kecemerlangan baru. Malaysia percaya pada konsep memperkayakan jiran-jirannya (proper thy neighbour). Malaysia percaya bahawa kalau jiran maju dan kaya, tumpahannya akan dirasakan oleh semua. Maka itu Malaysia tidak pernah mencemburui kejayaan luar biasa Singapura. Selama ini Singapura berada dalam liga yang lain dan menandakan tahap kecemerlangan yang tersendiri.

Soalnya apakah Singapura bersedia menangani persaingan itu?

Apakah Singapura memainkan peranannya sebagai jiran yang baik selama ini? Singapura tentu percaya perlunya pasaran bebas dipertahankan. Dan pentingnya ekonomi pasaran. Tetapi pelbagai peraturan yang dikenakan oleh republik itu ke atas rakyatnya yang mahu masuk ke Malaysia - antaranya berapa banyak petrol dalam tangki - tidak menunjukkan semangat kejiranan yang baik. Lebih penting lagi bertentangan dengan mana-mana hukum pasaran bebas. Singapura tidak ada sebab untuk mengkhawatiri kemakmuran Malaysia. Singapura memerlukan Semenanjung Malaysia sebagai hinterland dan salah satu sumber pertumbuhan ekonominya.

Sebahagian masalahnya mungkin terletak pada cara dan pendekatan yang berbeza dalam menangani sesuatu isu. Dan bagaimana kejujuran kita memahami satu sama lain. Mungkin latar belakang manusia seperti kenalan saya itu ada kesannya dalam soal hubungan atau interaksi dua hala.

* Penulis pernah menjadi Ketua Pengarang Kumpulan Utusan Melayu.